

MAHATHIR-VIETNAM

1978

PETALING JAYA, 4 DIS. (BERNAMA) — MALYSIA BUKAN +BERPERANG+ DENGAN PENDATANG-PENDATANG HARAM VIETNAM YANG KEMASUKAN MEREKA KE NEGARA INI TELAH MENAKIBATKAN BERBAGAI MASALAH RUMIT, DEMIKIAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BOLEH TERUS-MENERUS MEMIKUL BEBAN KEMASUKAN PENDATANG HARAM ITU, KATANYA SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT DI PUSAT DAYA PENGELUARAN KEBANGSAAN DI SINI.

JELASNYA, APA YANG KERAJAAN MAHUKAN IALAH MENENTUKAN BAHAWA PENDATANG-PENDATANG HARAM ITU YANG MEMASUKI NEGARA INI KELUAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH MEMBAWA PERHATIAN DUNIA LUAR KEPADA MASALAH YANG DIHADAPINYA BERHUBUNG DENGAN PENDATANG HARAM VIETNAM ITU.

KATANYA, OLEH KERANA MALAYSIA BUKAN BERADA DALAM KEADAAN BERPERANG IA TIDAK BOLEH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TEGAS SEPERTI MENEMBAK MEREKA YANG TERUS MENDARAT SECARA HARAM DI NEGARA INI MESKIPUN SETELAH TIDAK DIBENARKAN MASUK. — BERSAMBUNG 1733/AZ

MAHATHIR-VIETNAM 2 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH MALAYSIA TIDAK GEMBIRA DENGAN SAMBUTAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT BAGI MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT.

MALAYSIA, KATANYA, AKAN TERUS BERUSAHA MENCEGAH KEDATANGAN PENDATANG-PENDATANG ITU KE NEGARA INI DAN JUGA AKAN MENCUBA MENDAPATKAN NEGARA-NEGARA KETIGA UNTUK MENERIMA MEREKA UNTUK MENGURANGKAN BEBANANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENGHENDAKI PENDATANG-PENDATANG HARAM VIETNAM ITU KELUAR KERANA IA MENIMBULKAN BERBAGAI MASALAH DAN JUGA TELAH MEMBUAT ORANG-ORANG YANG HIDUP DISEPANJANG PANTAI MARAH.

MALAYSIA TELAH MENJELASKAN KEPADA KERAJAAN AMERIKA BAHAWA MASALAH ORANG-ORANG VIETNAM ITU BUKANLAH HASIL BUATANNYA SENDIRI DAN KERAJAAN CARTER HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG LEBIH POSITIF UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT.

BELIAU JUGA MEMBIDAS SETENGAH-SETENGAH PARTI POLITIK YANG CUBA MENDAPAT SOKONGAN MENERUSI MASALAH ORANG-ORANG VIETNAM. — BERSAMBUNG 1733/AZ

MAHATHIR-VIETNAM 3 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA BUAH PARTI POLITIK CUBA MENGHASUT RAKYAT SUPAYA MENENTANG KERAJAAN KERANA LAYANAN KERAJAAN KEPADA PARA PENDATANG HARAM VIETNAM.

KATANYA, MASALAH PENDATANG ITU BUKANLAH SATU MASALAH YANG BOLEH DIJADIKAN SATU PLETFOM PILIHANRAYA KERANA IA MELIBATKAN KESELAMATAN NEGARA.

ORANG-ORANG YANG CUBA MENGEKSPLOIT KEADAAN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN POLITIK ADALAH MENJADI ALAT KEPADA ANASIR-ANASIR ANTI NASIONAL DAN SABVERSIF, TEGASNYA.

TKMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS SETENGAH-SETENGAH MAJALAH ASING YANG MENGAMBIL PENDIRIAN YANG BERBEZA KETIKA MELAPORKAN ORANG PELARIAN DI MALAYSIA DAN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

MISALNYA, KATANYA, APABILA SESEBUAH NEGARA MENGGUNA PAGAR UNTUK MENGHALANG ORANG PELARIAN DARI MASUK IA DIANGGAP SEBAGAI TINDAKAN WAJAR.

TETAPI APABILA MALAYSIA MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT, PENULIS-PENULIS MAJALAH-MAJALAH ITU MENYALAHKANNYA KERANA TIDAK MENGAMBIL ORANG-ORANG +PELARIAN+ TERSEBUT. — BERNAMA 1738/AZ

MAHATHIR-VIETNAM 4 PETALING JAYA (SAMBUNG BERITA B596)

SEMENTARA ITU, KUMPULAN TERAKHIR ORANG-ORANG VIETNAM DARI KAPAL HAI HONG YANG KE KANADA YANG DIJADUALKAN TERBANG PETANG INI AKAN BERLEPAS ESOK DARI LAPANGAN TERBANG KUALA LUMPUR ANTARA JAM 1 TENGAHARI HINGGA 2 PETANG.

MENURUT SURUHANJAYA TINGGI CANADA DI SINI, PENERBANGAN HARI INI YANG DIJADUAL MEMBAWA 125 ORANG TELAH DIBATALKAN KERANA CUACA BURUK.

SETAKAT INI, 478 ORANG VIETNAM DARI KAPAL HAI HONG TELAH DITERBANGKAN KE CANADA.

SATU KUMPULAN 169 ORANG VIETNAM DARI KAPAL YANG SAMA DIJANGKA TERBANG KE HANNOVER MALAM INI UNTUK DITEMPATKAN DI LOWER SAXONY, JERMAN BARAT.

MEREKA TERMASUK KANAK-KANAK KEMBAR BERUMUR SATU TAHUN DAN SEORANG WANITA BERUMUR 77 TAHUN, KATA SEORANG JURUCAKAP KEDUTAAN JERMAN DI SINI.

SEBELUM ITU SATU KUMPULAN 163 ORANG VIETNAM TELAH TIBA DI LOWER SAXONY. SERAMAI 657 ORANG DARI HAI HONG TELAH DITERIMA OLEH NEGERI ITU.